



PRODUKTIVITI BURUH, SUKU KEDUA 2025

PRODUKTIVITI BURUH NILAI DITAMBAH PER JAM BEKERJA


Produktiviti buruh per jam bekerja pada ST2 2025 meningkat 3.4% dengan nilai ditambah per jam bekerja sebanyak **RM43.2** setiap jam.



JUMLAH JAM BEKERJA (JUTA JAM)

9,703 | 1.0%

ST1 2025 : 9,653 | 2.1%



PRODUKTIVITI BURUH NILAI DITAMBAH PER PEKERJA


Produktiviti buruh per pekerja meningkat 2.8% pada ST2 2025 untuk merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak **RM24,887** seorang.



JUMLAH PEKERJA ('000 ORANG)

16,849 | 1.6%

ST1 2025 : 16,703 | 1.8%



PRODUKTIVITI BURUH MENGIKUT SEKTOR



RM25.2 | 3.5%
ST1 2025: RM23.4 | 0.4%

RM13,550 | 2.3%
ST1 2025: RM12,646 | 0.6%




RM490.5 | -4.6%
ST1 2025: RM551.1 | -0.9%

RM292,813 | -5.8%
ST1 2025: RM332,946 | -3.2%



RM57.6 | 3.7%
ST1 2025: RM56.9 | 3.8%

RM33,972 | 2.8%
ST1 2025: RM33,620 | 3.2%



RM21.4 | 9.3%
ST1 2025: RM20.9 | 11.3%

RM12,728 | 11.0%
ST1 2025: RM12,519 | 13.2%



RM41.0 | 3.6%
ST1 2025: RM40.9 | 2.0%

RM23,642 | 2.9%
ST1 2025: RM23,650 | 2.4%

PERTANIAN

PERLOMBONGAN &
PENGKUARIAN

PEMBUATAN

PEMBINAAN

PERKHIDMATAN


% Merujuk kepada perubahan peratusan tahunan daripada suku yang sama pada tahun sebelumnya

▶ Produktiviti Buruh per Jam Bekerja

▶ Produktiviti Buruh per Pekerja

SUMBER: PRODUKTIVITI BURUH, SUKU KEDUA 2025, JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)

Produktiviti Buruh Malaysia Suku Tahunan Perubahan Peratusan Tahunan, ST1 2021 – ST2 2025



▶ Produktiviti buruh per pekerja (%)

▶ Produktiviti buruh per jam bekerja (%)

▶ Nilai ditambah (%)



Produktiviti buruh per jam bekerja bertumbuh 3.4 peratus pada suku tahun kedua 2025, mencatatkan RM43.2 setiap jam

Produktiviti Buruh Malaysia

- **Produktiviti buruh per jam pekerja bertumbuh 3.4 peratus** (ST1 2025: 2.2%), dengan jumlah jam bekerja meningkat 1.0 peratus kepada 9.7 bilion jam (ST1 2025: 2.1%; 9.7 bilion jam) pada suku tahun kedua 2025. Ekonomi Malaysia bertumbuh 4.4 peratus pada suku tahun kedua 2025, mengekalkan kadar pertumbuhan sama yang dicatatkan pada suku sebelumnya.
- Pada ST2 2025, **produktiviti buruh per pekerja meningkat 2.8 peratus** (ST1 2025: 2.5%), dengan jumlah pekerja meningkat 1.6 peratus bagi mencatatkan 16.8 juta orang (ST1 2025: 1.8%; 16.7 juta orang).
- Pada suku tahun kedua 2025, produktiviti buruh merekodkan **nilai ditambah per jam bekerja sebanyak RM43.2 sejam** (ST1 2025: RM43.0 sejam) dan **nilai ditambah per pekerja sebanyak RM24,887 seorang** (ST1 2025: RM24,866 seorang).

Produktiviti Buruh Malaysia mengikut lima (5) aktiviti ekonomi

- **Prestasi sektoral** bagi produktiviti buruh **per jam bekerja** pada suku ini didorong oleh pertumbuhan dalam **sektor Pembinaan**, yang terus meningkat pada 9.3 peratus (ST1 2025: 11.3%), diikuti oleh **sektor Pembuatan** pada 3.7 peratus (ST1 2025: 3.8%), **sektor Perkhidmatan** pada 3.6 peratus (ST1 2025: 2.0%) dan **sektor Pertanian** pada 3.5 peratus (ST1 2025: 0.4%), manakala **sektor Perlombongan dan pengkuarian** terus menguncup pada negatif 4.6 peratus (ST1 2025: -0.9%).
- Dalam konteks prestasi sektoral bagi produktiviti buruh **per pekerja**, **sektor Pembinaan** memacu prestasi keseluruhan dengan peningkatan berterusan sebanyak 11.0 peratus (ST1 2025: 13.2%) dicatat pada suku ini, diikuti oleh **sektor Perkhidmatan** pada 2.9 peratus (ST1 2025: 2.4%); **sektor Pembuatan** pada 2.8 peratus (ST1 2025: 3.2%) dan **sektor Pertanian** pada 2.3 peratus (ST1 2025: 0.6%), manakala **sektor Perlombongan dan pengkuarian** merosot pada negatif 5.8 peratus (ST1 2025: -3.2%).



20 October 2016 - 2030